



Selasa, 18 Mei 2021, 12:18pm



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH



WAKTU SOLAT MALAYSIA

Kuala Lumpur



12:18 PM

18 Mei 2021, Selasa
6 Shawwal, 1442

*Selamat Hari Raya
dengan Chek Hup*

Imsak
05:40 AMSubuh
05:50 AMZohor
13:13 PMAsar
16:35 PMMaghrib
19:21 PMIsyak
20:34 PM

MyVAC bantu lancarkan proses di PPV

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Mei 12, 2021 @ 3:17pmfidahruzki@bh.com.my

Orang ramai yang sudah mendaftarkan diri secara sukarela menunggu giliran untuk mendapatkan suntikan vaksin Astra Zeneca pada program mendapatkan vaksin AstraZeneca di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Dagangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Pembabitan sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVAC), dilihat membantu melancarkan proses pemberian vaksin COVID-19 di 131 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata berbanding petugas barisan hadapan perubatan yang menjadi komposisi utama di setiap PPV, sukarelawan yang terdiri daripada golongan belia itu memberi kesan dan impak kepada kelancaran proses dengan menguruskan perkara yang tidak berkaitan perubatan di setiap PPV.

ADVERTISING

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 10m [ESSCom mahu tambah kekuatan di ESSZone untuk cegah jenayah rentas sempadan](#)
- 38m [Langgar SOP, 12 pekerja asing dikompau](#)
- 43m [Boikot strategik mampu lumpuhkan Zionis](#)
- 44m [FINAS telus salur Dana Filem Kenegaraan](#)
- 44m [Ucapan sempena perayaan pupuk keharmonian kaum](#)
- 47m [Cubaan tahanan kes rogol lari gagal](#)
- 58m [Inisiatif korporat tingkat taraf hidup rakyat](#)
- 59m [Pantau NGO kutip derma Palestin pastikan misi sumbangan tercapai](#)



Kehadiran sukarelawan MyVAC membolehkan petugas barisan hadapan seperti doktor dan jururawat memberi tumpuan kepada aspek perubatan.

"Permintaan untuk penyertaan adalah tinggi tetapi perlu disesuaikan dengan permintaan di PPV itu sendiri. Dalam pangkalan data kita memang ada banyak permohonan, ...mencecah 12,831 dan kehadiran mereka di PPV ditentukan oleh yang bertugas di PPV terbabit.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Skuad Harimau Malaya dijangka ke UAE tanpa vaksin**
- **COVID-19: KBS usaha siapkan 45,000 PPE**
- **Peruntukan Belanjawan 2021 KBS lulus suara majoriti**
- **264 atlet, pegawai terima suntikan vaksin mulai April**

"Kebanyakan sukarelawan sokongan ini menjalankan tugas bersifat 'non medical' supaya semua petugas barisan hadapan dapat memberi tumpuan terhadap bahagian perubatan," katanya ditemui ketika melawat PPV Khas di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini.

VAKSIN



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 10:12pm

CITF mohon maaf kesesakan di PPV Stadium Titiwangsa



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 4:33pm

Tiada kesan sampingan serius vaksin AstraZeneca



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 2:46pm

Ibu hamil, menyusu hanya disyor vaksin Pfizer



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 2:32pm

Tempahan AstraZeneca untuk warga emas mulai 23 Mei



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 9:48am

732,911 individu lengkap dua dos vaksin COVID-19



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 6:36am

Tempahan vaksin Astrazeneca dibuka palsu - JKJAV

TRENDING



Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. - Foto NSTP/Mikail Ong.

ADVERTISING

Yang turut hadir pada sesi lawatan berkenaan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ikhwan Toriman; Ketua Setiausaha KBS Datuk M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Datuk Wasitah Yusof.

PPV Khas itu untuk pemberian vaksin keluaran AstraZeneca secara sukarela.

Seramai 36 sukarelawan MyVAC ditempatkan di PPV Khas itu iaitu 26 dalam kalangan mahasiswa UKM sendiri manakala 10 lagi dalam kalangan belia di sekitar universiti berkenaan.

Reezal berkata, komitmen yang ditunjukkan sukarelawan terbabit seharusnya dipuji terutama mereka perlu berada seawal jam 8.30 pagi di PPV hingga lewat petang termasuk pada hari terakhir Ramadan hari ini.

"Saya secara peribadi mahu mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada anak muda yang bertugas dengan dedikasi. Saya juga mahu mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan tertinggi UKM yang tampil secara kolektif dalam usaha ini termasuk menyediakan juadah berbuka puasa untuk mereka yang berada di PPV ini," katanya.

Sementara itu, kenyataan dikeluarkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), menyebut MyVAC adalah satu inisiatif yang ditubuhkan hasil kerjasama antara Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), KBS, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) dalam membantu melancarkan program imunisasi kerajaan dengan menempatkan individu yang bersedia berkhidmat dalam pasukan vaksinasi.



AMERIKA 2 jam yang lepas
Dua beradik dapat AS\$84 juta kerana dipenjarakan secara salah



ASIA 5 jam yang lepas
Rejim zionis lancar artileri ke Lubnan



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 10:40pm
Plaza Tol Gombak sesak kerana polis 'buat kerja'



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 3:25pm
Dakwaan Israel berhak pertahankan diri, tidak boleh diterima



NASIONAL Mei 17, 2021 @ 10:48am
Gelandangan nikmati hasil kebun

MYRESIPI



INFOMASI Mei 17, 2021 @ 12:47pm
Resepi Kuih Bijan Kegemaran Ramai, Makan Sekali Mesti Nak Lagi!



INFOMASI Mei 17, 2021 @ 12:46pm
Cara Mudah Buat Serunding Kelapa Guna Air Fryer, Mudah, Ringkas & Jimat Masa!



INFOMASI Mei 15, 2021 @ 11:00am
Resepi Kuih Gunting Rangup & Pedas, Makan Sekali Pasti Nak Lagi!



INFOMASI Mei 15, 2021 @ 10:00am
Hanya Guna 3 Bahan Je! Ini Resepi Popiah Nestum Bersalut Coklat




INFOMASI Mei 11, 2021 @ 4:51pm
Menu Berbuka Mudah & Ringkas, Ini Resepi Kengsom Ikan Siakap!

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mac 31, 2021 @ 9:00pm



NASIONAL Mac 15, 2021 @ 8:06pm

KBS syor asing proses Undi18, pendaftaran automatik



NASIONAL Mac 31, 2021 @ 9:27pm
Pemilihan UMNO perlu disegerakan sebelum PRU-15

Pendaftaran sukarelawan program imunisasi COVID-19 dibuka



NASIONAL Jun 7, 2020 @ 2:31pm
Portal khas KBS bantu belia dapatkan maklumat, program kerajaan



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)